

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 7

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0927
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bahawa di dalam Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan semua mesyuarat pihak berkuasa tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai dan kepada wakil akbar. Namun perkara ini tidak menjadi amalan biasa dalam masyarakat dan juga pihak berkuasa tempatan. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk meningkatkan hebahan tentang peruntukan ini kepada orang ramai serta menggalakkan pihak berkuasa tempatan untuk war-warkan dengan lebih meluas tentang notis mengenai mesyuarat kepada orang awam.

2. PR-1432-MQT0917
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai status kes COVID-19 di Kedah dan di Kuching dan langkah-langkah Kementerian untuk mencegah gelombang seterusnya termasuk jumlah saringan yang telah dibuat.

3. PR-1432-MQT0879
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tujuan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga dan bagaimanakah kaedah penyampaian program tersebut kepada rakyat. Sepanjang pelaksanaannya, sejauh manakah program ini telah membantu rakyat yang berada di kawasan pedalaman.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09869
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan pihak PTPTN dalam membantu peminjam menstrukturkan bayaran balik pasca pandemik COVID-19 dalam langkah membantu meringankan beban kewangan mereka.

2. PR-1432-L09084
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan senarai barang makanan import yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan apakah kesan dari segi jumlah bekalan dan harga jualannya.

3. PR-1432-L09620
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah projek untuk menaik taraf di kaki Gunung Jerai sebagai salah satu pusat pelancongan yang menjadi tumpuan negara.

4. PR-1432-L09111
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam proses konservasi biodiversiti pokok-pokok hutan asli daripada ancaman kepupusan serta nyatakan jumlah liputan hutan simpan kekal di seluruh negara.
5. PR-1432-L08967
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci mengenai perkembangan projek sekolah daif di Sarawak. Berapa jumlah sekolah daif sudah dibaik pulih atau dibina menggunakan bajet kontra RM1 bilion yang dipersetujui Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat setakat ini. Nyatakan secara terperinci sekolah terbabit dan kos yang terlibat bagi setiap sekolah berkenaan.
6. PR-1432-L08853
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah nilai wang kertas bank atau nota bank (*bank notes*) telah dikeluarkan dan diedarkan oleh Bank Negara atau dalam rekod Bank Negara setakat akhir tahun 2019; dan
 - (b) jumlah nilai wang kertas atau nota bank dalam pasaran atau terapung di pasaran dan dalam simpanan di negara ini.
7. PR-1432-L09551
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah mekanisme dan langkah konstruktif yang dirangka bagi meningkatkan sekuriti makanan dalam negara agar sentiasa bersedia bagi menghadapi kejutan krisis seperti wabak pandemik, peperangan dan kemarau disamping mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan agar negara berupaya mencapai tahap kemandirian bekalan makanan.
8. PR-1432-L09581
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian menyalurkan bantuan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang banyak menyertai dalam perkhidmatan urutan dan refleksologi di mana mereka kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dibenarkan beroperasi sepanjang pandemik COVID-19 ini.

9. PR-1432-L09717
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status rancangan pembinaan Kolej Komuniti Bachok yang telah dirasmikan pada tahun 2018.
10. PR-1432-L08867
Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melupuskan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau penyusunan semula pemilikan.
11. PR-1432-L09813
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan, petani dan penternak.
12. PR-1432-L09934
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kaedah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu murid-murid yang tidak ada *internet accessibility* di rumah mereka menjalankan *e-learning*.
13. PR-1432-L09656
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan penjelasan rungutan rakyat terhadap isu bil TNB daripada Mac 2020 sehingga Mei 2020 dan apakah langkah membantu rakyat terhadap isu ini.
14. PR-1432-L08947
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab Kerajaan untuk meneruskan projek pembinaan laluan monorel Putrajaya yang sebelum ini ditangguhkan selama 25 tahun dan adakah Kerajaan sudah menjalankan penilaian dan kajian analisis biaya dan manfaat bagi projek ini.
15. PR-1432-L09344
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah rancangan untuk membina baru sekolah SK Sebayang yang terletak di kawasan Sebayang, Tanjong Manis dan telah diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu.

16. PR-1432-L08919
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) dan ibu tunggal yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat ini. Daripada itu, berapakah mereka yang layak menerima bantuan secara 'one-off' sebanyak RM300.

17. PR-1432-L09044
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status pelaksanaan inisiatif Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) untuk menambah baik kelajuan perkhidmatan jalur lebar sedia ada, termasuk menyediakan sistem asas bagi rangkaian baharu 5G.

18. PR-1432-L09835
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada moratorium bayaran balik pinjaman institusi kewangan akan dilanjutkan selepas Oktober, 2020 dan sekiranya tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pengguna mengharungi tempoh pasca moratorium tersebut.

19. PR-1432-L09739
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan pelan tindakan terperinci bagi menghadapi kemungkinan berlaku peningkatan kelompok tercicir dalam menguasai pendidikan pasca COVID-19.

20. PR-1432-L09152
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan pemantauan terhadap kenderaan lebih muatan yang merosakkan jalan dan berbahaya kepada pengguna jalan yang lain seperti konsep '*weigh-in-motion*' di jalan-jalan yang telah dikenal pasti.

21. PR-1432-L09609
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan dari manakah sumber dana untuk memberikan subsidi dengan memberikan diskaun penggunaan elektrik yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) mengikut kategori penggunaan bulanan dan apakah kesan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila trend penggunaan elektrik dalam segmen domestik, segmen komersial dan industri sepanjang tempoh PKP dan PKPB.

22. PR-1432-L09926
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan taraf liputan internet bagi kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah.
23. PR-1432-L09006
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian perbelanjaan yang digunakan untuk Pakej-Pakej Bantuan Prihatin Nasional semasa menangani COVID-19.
24. PR-1432-L09856
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani lambakan graduan menganggur akibat sektor pekerjaan yang terjejas oleh wabak pandemik COVID-19.
25. PR-1432-L09590
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi kebebasan kepada pesawah memilih input penanaman padi mereka.
26. PR-1432-L08875
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pekerja yang penerima wang tunai serta jumlah wang yang disalurkan untuk mengatasi impak ekonomi pandemik COVID-19.
27. PR-1432-L08998
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bertindak menstrukturkan semula dana yang telah diperuntukkan kepada Kementerian-kementerian pada tahun ini berikutan penularan wabak COVID-19. Jika ya, nyatakan jumlah dana yang distrukturkan semula untuk setiap Kementerian-kementerian yang terlibat.
28. PR-1432-L09797
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada KPM telah menerima laporan Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) berhubung peperiksaan itu. Sekiranya tidak, bila Menteri Pendidikan akan berjumpa dengan PPDUEC.

29. PR-1432-L09323
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah peruntukan pinjaman faedah rendah Agrofood dalam pakej rangsangan 1 (27 Februari 2020), pakej rangsangan 2 (27 Mac 2020) dan pakej rangsangan 3 (5 Jun 2020). Apakah syarat-syarat meminjam dan nyatakan sebab-sebab sesetengah pengusaha mengadu tabung sudah kehabisan.
30. PR-1432-L09313
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah aduan berkaitan peningkatan bil elektrik selepas menjalankan semula bacaan meter selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Apakah punca bil elektrik terlalu tinggi dan bagaimana Kementerian menjelaskan kaedah pengiraan penggunaan elektrik kepada rakyat.
31. PR-1432-L09600
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru Projek Rel Pantai Timur (ECRL) Seksyen C dari Temerloh ke Pelabuhan Kelang, sama ada skim keretapi Seksyen C tersebut telah mendapat kelulusan muktamad daripada Kementerian di bawah peruntukan Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat dan apakah jajaran ECRL Seksyen C akan berubah.
32. PR-1432-L09753
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menerangkan sekiranya kontrak 1Bestarinet akan disambung walaupun ianya telah menyebabkan kerugian beratusan juta Ringgit Malaysia ke atas Kementerian Pendidikan.
33. PR-1432-L08864
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apabila Kerajaan melaksanakan Batalion 10 PGA di tapak seluas 321 ekar di Sg. Paoh, Sarikei yang akan meningkatkan jumlah pelajar yang sangat besar di SK Sg. Paoh dan SMK Sg. Paoh, adakah Kementerian akan mengambil pertimbangan terhadap pembangunan sekolah-sekolah tersebut.

34. PR-1432-L09426
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang impak pembelajaran atas talian untuk para pelajar :-
- (a) apakah maklum balas pelajar dan cikgu dalam pelaksanaan kelas atas talian. Adakah kelas dijalankan dengan efektif dan adakah cikgu-cikgu dapat mengawasi prestasi pelajar ; dan
 - (b) apakah langkah yang boleh diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan pelajar yang tidak mampu menghadiri kelas atas talian.
35. PR-1432-L08743
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik permohonan serta kelulusan/kegagalan permohonan untuk Bantuan Prihatin Nasional yang dijanjikan kepada mereka yang layak memandangkan terdapat rungutan rakyat kerana gagal mendapat bantuan tersebut.
36. PR-1432-L08814
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sehingga tahun 2019, sebanyak 7.6 juta pendaftaran perniagaan dan 22 ribu pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad, berapa individu di antara mereka tidak berdaftar dengan LHDN dan berapa yang telah berdaftar serta jumlah cukai yang telah dikutip.
37. PR-1432-L09182
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada Majlis Media Malaysia (MMM) mempunyai kuasa untuk ambil tindakan terhadap media yang tidak mematuhi kod etika atau prinsip kewartawanan seperti menerbitkan berita palsu.
38. PR-1432-L09772
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar terkini Kerajaan terhadap bayaran balik pinjaman PTPTN, termasuk had pengecualian pembayaran balik pinjaman dan status terkini kutipan PTPTN.

39. PR-1432-L09877
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi memberdaya skil penggunaan komputer dari peringkat sekolah rendah, menengah sedangkan kebanyakan kelas komputer di sekolah tidak berfungsi dengan baik dan sistem operasi dan perisian komputer terlalu lama.
40. PR-1432-L09276
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah polisi tender terbuka terpakai di setiap Kementerian dan bagaimanakah polisi ini dilaksanakan. Adakah polisi rundingan terus masih dilaksanakan di mana-mana Kementerian dan jika ya, mengapa.
41. PR-1432-L08782
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk Kementerian membina bangunan asrama di SMK Libaran demi kesejahteraan pelajar di sekolah itu.
42. PR-1432-L09421
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan dalam usaha mempromosikan pelancongan tempatan pada tahun ini.
43. PR-1432-L09424
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah penumpang ETS dari Taiping ke Kuala Lumpur dan rancangan untuk meningkat tahap perkhidmatan perjalanan ETS dari Taiping ke Kuala Lumpur dan sebaliknya.
44. PR-1432-L09907
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah rangkaian dalam talian jalur lebar dan telefon di kawasan luar bandar; dan
 - (b) apakah pendekatan Kementerian dalam menangani isu penggunaan telefon pintar dan internet di kalangan remaja yang selalu menimbulkan isu-isu viral seperti penyebaran berita palsu di media sosial.

45. PR-1432-L09007
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan strategik dalam menggerakkan kembali ekonomi negara pada pasca COVID-19.
46. PR-1432-L09596
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-
- (a) rancangan Kementerian memberi status Taman Negeri kepada Ulu Muda demi memelihara sumber air 4.09 juta penduduk Zon Utara daripada impak pembalakan tidak terkawal; dan
 - (b) inisiatif Kementerian membantu implikasi yang terpaksa dihadapi oleh Kerajaan negeri seperti bayaran ganti rugi.
47. PR-1432-L09937
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah justifikasi pelantikan ahli pengarah badan berkanun dan GLC yang bersifat politik secara berleluasa di bawah pemerintahan PN. Senaraikan nama-nama lantikan daripada ahli-ahli parti politik dan skim gaji mereka.
48. PR-1432-L08994
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kayu ukur yang diguna pakai kepada ahli-ahli Parlimen penyokong Kerajaan yang dipilih mengetuai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) berbanding bekas pengerusi-pengerusi GLC yang dipilih pada masa Kerajaan Pakatan Harapan.
49. PR-1432-L09029
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai terkini nama-nama ahli Parlimen yang dilantik sebagai pengerusi GLC dan jumlah elaun atau terimaan dan kemudahan-kemudahan yang setiap mereka peroleh.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

3. (D.R 2/2020) Rang Undang-Undang Perbekalan **Bacaan Kali**
(Penguntungan Semula Peruntukan **Yang Kedua**
Perbelanjaan) 2020

[Menteri Kewangan]

DAN

Menteri Kewangan akan mencadangkan :-

"BAHAWASANYA, berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(1), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntungan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula, dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak tujuh bilion lapan ratus enam puluh tujuh juta dua puluh satu ribu enam ratus sepuluh ringgit (RM7,867,021,610) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2020 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2020 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 10 Mac 2020."

4. (DR.3/2020) Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Pengangkutan]
5. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 "
[Menteri Kesihatan]
6. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 "
[Perdana Menteri]
7. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 "
[Perdana Menteri]

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

9. PR-1432-UL064

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujukan."

10. PR-1432-U(27)116

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

11. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

12. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

13. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

15. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

16. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

17. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

18. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

19. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

20. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

21. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

24. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

25. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
26. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
27. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :
Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;
Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;
Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

28. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 177	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2018	6 Ogos 2020

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 61	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sabah Bagi Tahun 2018	6 Ogos 2020
ST. 68	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2018	6 Ogos 2020
ST. 87	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2018	6 Ogos 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 04.08.2020 (Selasa)	1. YB Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)	1. Kelewatan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Sungai Besi Dan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi, Semenyih	1. YB Menteri Pendidikan
2. 06.08.2020 (Khamis)	2. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	2. Peruntukan untuk Pembangunan Sekolah di Bukit Bendera	2. YB Menteri Pendidikan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**